

Perluakah Najib lepas jawatan kerana teguran Mahathir?
Harakah Daily
19 Ogos 2014

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad menafikan yang beliau tidak menyuruh Datuk Seri Najib Razak berhenti, hanya tidak bersetuju dengan dasar-dasar Najib yang tidak memberikan keuntungan dan kebaikan kepada negara.

Justeru, bagi Aspan Alias semalam beliau menulis tentang kelemahan tindakan Mahathir sambil menyatakan yang jika Najib diberhentikan, siapa yang ada untuk menggantikan Najib dalam pemikiran dan pandangan bekas Perdana Menteri itu.

"Saya juga menulis yang selama ini semua pilihan Dr Mahathir itu akan akhirnya dipersalahkan oleh beliau sendiri," tulis beliau di dalam blognya hari ini.

Menurutnya, beliau menyebut itu kerana itu adalah hakikatnya, tetapi kenyataan yang Mahathir buat untuk menarik balik sokongan terhadap Najib itu tidak pula salah dan sememangnya Najib bertanggungjawab kerana beliau adalah *failed leader* kepada rakyat yang berbilang kaum ini.

"Saya menyebut itu dengan tujuan untuk kita memahami kenapa kita sentiasa disuakan dengan pemimpin yang tidak betul dan kena kepada kehendak rakyat dan negara.

"Hanya setelah kita memahaminya barulah kita mungkin dapat mencari penyelesaiannya yang baik supaya keadaan menyalahkan pilihan kita sendiri itu berulang lagi," tulisnya lagi.

Copyright © 2014 Harakah. Hak Cipta Terpelihara.

Source: <http://www.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/30278-perluakah-najib-lepas-jawatan-kerana-teguran-mahathir>